



KENYATAAN MEDIA

PUSAT KONSERVASI *GIANT PANDA* (PKGP) AKAN DIBUKA KEPADA ORANG AWAM

Saya telah mengadakan lawatan kerja ke Pusat Konservasi *Giant Panda* (PKGP) di Zoo Negara untuk melihat sendiri fasiliti PKGP yang telah dinaik taraf serta pasangan *Giant Panda* baharu iaitu *Chen Xing* (jantan) dan *Xiao Yue* (betina) yang tiba dari Republik Rakyat China (RRC) pada 18 November 2025.

Pasangan *Giant Panda* ini telah selesai menjalani tempoh kuarantin. Berdasarkan keadaan ini, pihak RRC bersetuju untuk membenarkan PKGP dibuka kepada orang awam. Saya akan mengumumkan tarikh pembukaan PKGP dalam tempoh masa terdekat.

Semasa lawatan ini saya telah berpuas hati dengan fasiliti PKGP untuk meningkatkan kebajikan *Giant Panda* dan keselesaan pengunjung termasuk menaik taraf eksibit utama, reka bentuk dalaman, landskap dan penggantian *chiller* menggunakan peruntukan yang disediakan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

Saya turut mendapat penerangan daripada pakar veterinar RRC dan Zoo Negara berhubung dengan tahap kesihatan pasangan *Giant Panda* yang secara keseluruhannya berada dalam keadaan yang baik. Semasa lawatan, *Chen Xing* dan *Xiao Yue* telah menunjukkan tingkah laku normal dan aktif yang menandakan tahap penyesuaian yang baik.

Pasangan *Chen Xing* dan *Xiao Yue* merupakan ikon hubungan diplomatik yang terjalin antara Malaysia dan RRC untuk mengukuhkan kerjasama di antara kedua-dua negara. Sehingga kini, RRC telah menjalankan kerjasama antarabangsa untuk konservasi dan penyelidikan *Giant Panda* dengan 20 negara termasuk Malaysia.

Perjanjian kerjasama dengan RRC dimeterai bersempena dengan Lawatan Negara Presiden RRC ke Malaysia pada 16 April 2025. Pemeteraian perjanjian melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia dan *China Wildlife Conservation Association* (CWCA) ini membolehkan Malaysia menerima pasangan *Giant Panda* baharu untuk tempoh 10 tahun mulai 2025 hingga 2035.

Lawatan ini turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh, Ketua Setiausaha NRES, Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli), Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi, Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN, Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim dan wakil *Malaysian Zoological Society*, iaitu pihak yang menguruskan Zoo Negara.

Komitmen Kerajaan Madani melalui NRES adalah selaras dengan prinsip kemampanan di bawah kerangka Malaysia MADANI bagi mengukuhkan konservasi spesies terancam melalui diplomasi antarabangsa.

DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
8 JANUARI 2026

